

FAKTOR PENGABAIAAN TANAH PERTANIAN DAN SOLUSI: KAJIAN KES LADANG PERTANIAN LTS DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani[◊]
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Simpang 347, Jalan Pasar Baharu
Gadong, BE1310, Brunei Darussalam
nasir@unissa.edu.bn / nasir332@gmail.com

Norliza binti Dato Seri Setia Haji Mahalle^{◊◊}
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Simpang 347, Jalan Pasar Baharu
Gadong, BE1310, Brunei Darussalam
lizamahalle@gmail.com

ABSTRAK

Kemunduran ekonomi di negara membangun sangat berkait rapat dengan kegagalan petani mengusahakan ladang pertanian mereka secara optimal. Penghasilan makanan yang berada di tahap rendah telah menjadikan negara tersebut terus bergantung kepada pengimpotan bahan makanan dari negara luar. Oleh yang demikian, faktor utama yang menjadi punca pengabaian tanah pertanian di negara membangun, khasnya tanah pertanian komersil perlu dikaji dan ditangani dengan sebaiknya. Kertas kajian ini akan berusaha mengemukakan beberapa faktor utama pengabaian ladang pertanian Lesen Tumpang Sementara (LTS) di Negara Brunei Darussalam dan berusaha memberikan solusi untuk meningkatkan keupayaan membangun dan menghasilkan. Kaedah kajian lapangan digunakan untuk mendapatkan maklumat empirik yang dikehendaki. Sebanyak 222 kertas kaji selidik telah diagihkan kepada para petani di dua buah ladang pertanian LTS. Data kaji selidik telah dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) 14.0. Temubual juga dijalankan yang melibatkan pengerusi ladang dan beberapa orang pegawai kerajaan yang secara langsung terlibat mengurus ladang berkenaan. Data temubual telah dianalisis menggunakan perisian Nvivo 8. Kaedah kepustakaan juga digunakan untuk mengenal pasti beberapa solusi terbaik bagi meningkatkan keupayaan membangun dan menghasil di ladang pertanian tersebut. Hasil kajian telah mendapati bahawa pengabaian ladang pertanian LTS di Negara Brunei Darussalam berpunca daripada beberapa faktor iaitu, faktor demografi, jenis tanaman pilihan, tempat pemasaran, masalah peribadi, alam semulajadi, dan beberapa faktor lain. Dua bentuk solusi telah dicadangkan iaitu pertama, amalan prinsip dasar asas meliputi aspek kongsi dana, kerjasama, dan pembahagian tugas. Kedua, mewujudkan prinsip dasar strategi mampan yang meliputi aspek membekal ilmu pengetahuan dan kemahiran asas tani sejak bangku sekolah, mengadakan latihan teknologi intensif, mewujudkan pasaran kongsi, menyediakan peruntukan khas, menawarkan insentif menarik, dan mewujudkan hubungan langsung dengan sektor swasta.

Katakunci: Pertanian, Pengabaian Tanah Pertanian, Lesen Tumpang Sementara (LTS), Negara Brunei Darussalam, solusi tanah pertanian

Pendahuluan

Masalah kemunduran ekonomi merupakan satu fenomena relatif yang berlaku selepas revolusi industri di Eropah Barat dan penguasaan penjajah yang dipelopori menerusi polisi dagangan. Bertitik tolak dari situ, berlakulah jurang pemisah yang sangat ketara antara negara industri dan negara membangun (Al-Sabh^É, 2000).

Kajian lampau mendapati bahawa masalah kemunduran ekonomi di negara membangun bukan berpunca daripada ketiadaan sumber tanah yang subur untuk digunakan sebagai kawasan pertanian, tetapi berpunca daripada kelalaian masyarakat mengusahakannya. Menurut statistik yang diperolehi menerusi *The Food and Agriculture Organization of the United Nations (FAO)*, lebih daripada 9/10 tanah subur di negara tersebut diabaikan dan tidak diusahakan dengan sebaiknya. Keadaan ini menyebabkan negara berkenaan terus menghadapi masalah ketidakcukupan penghasilan makanan yang memaksanya bergantung kepada bahan makanan yang diimport dari luar negara dan menyebabkan hutangnya semakin bertambah (Al-Sabh^É, 1997). Statistik ini memberikan bukti yang kukuh bahawa negara membangun sebenarnya mempunyai keupayaan yang besar untuk menjadi negara penghasil makanan kerana mempunyai tanah subur yang sesuai untuk dijadikan ladang pertanian di samping menjadi bukti punca berlakunya kemunduran ekonomi di negara berkenaan. Oleh yang demikian, sumber asli tanah mestilah dengan sedaya upaya diusahakan untuk tujuan pertanian bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan hidup manusia di muka bumi ini.

[◊] Pensyarah Kanan Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan Dekan Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan di Universiti yang sama. Beliau juga adalah merupakan Ahli Badan Penasihat Syariah Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

^{◊◊} Pensyarah Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

Merujuk kepada tajuk perbincangan kertas kajian ini, sejauh penelitian para penyelidik, masih belum ada mendapati kajian lampau yang membincangkan hal yang berkaitan dengan faktor pengabaian ladang pertanian LTS¹ secara khusus. Walau bagaimanapun, kajian teoritikal mengenai pembahagian tanah yang dilakukan oleh pemerintah untuk kegunaan sementara – bagi kegunaan pertanian contohnya – banyak dibincangkan dalam buku-buku Fiqh klasik yang ditulis oleh para ulama Islam silam terkemuka dan juga para pengkaji zaman moden dalam kajian bidang ekonomi Islam dan undang-undang.

Antara kitab Fiqh klasik yang membincangkannya ialah kitab *‘Éshiyah Rad al-Mu‘tÉr ‘alÉ al-DÉr al-MukhtÉr* karangan Ibnu ‘ÓbidÉn (Mazhab ‘anafÉ), kitab *al-FurÉq* karangan al-QarÉfÉ (Mazhab MÉlikÉ), kitab *al-Umm* karangan al-ImÉm al-ShÉfi‘É (Mazhab ShÉfi‘É), kitab *al-MughnÉ* karangan Ibnu QudÉmah (Mazhab ‘anbalÉ), dan banyak lagi. Aspek perbincangan kitab-kitab Fiqh klasik ini meliputi perkara yang berkaitan dengan definisi, jenis, syarat, dan hukum-hukum perkara yang berkaitan. Berdasarkan penelitian penyelidik terhadap kitab-kitab ini telah mendapati bahawa pembahagian tanah secara LTS ini mirip dengan kaedah pembahagian tanah yang disebut dalam Fiqh sebagai *IqÉÉ‘ IstighlÉl*.² Pun begitu masih terdapat sedikit perbezaan antara keduanya. Kesamaan dan perbezaan antara LTS dan *IqÉÉ‘ IstighlÉl* ini dapat diperhatikan dalam jadual berikut:

Jadual 1: Perbandingan LTS dan *IqÉÉ‘ IstighlÉl*

Perkara	LTS	<i>IqÉÉ‘ IstighlÉl</i>
Badan pengawasan	Pemerintah atau wakil pemerintah	Pemerintah atau wakil pemerintah
Kegunaan	Pertanian	Pertanian
Tujuan	Membangun tanah	Membangun tanah
Syarat membangun tanah	Mendapat izin pemerintah	Mendapat izin pemerintah
Syarat pemohon	Penduduk tempatan yang mampu	Penduduk tempatan yang mampu
Jenis tanah	Tanah kosong yang tidak dimiliki	Tanah kosong yang tidak dimiliki
Pemilikan	Sementara untuk dimanfaatkan	Sementara untuk dimanfaatkan
Tuntutan	Bayaran lesen	Cukai tanah (<i>KharrÉj</i>)
Penguatkuasaan	Undang-Undang Inggeris	Undang-Undang Islam
Istilah	LTS	<i>IqÉÉ‘</i>
Tempoh mengusaha	Setahun	3 tahun

Kajian lampau dalam bidang ekonomi Islam juga ada membincangkan perihal teori sistem pembahagian tanah secara *IqÉÉ‘* untuk kegunaan pertanian. Namun, ia hanya dibincangkan secara umum secara sepintas lalu dengan memasukkannya sebagai perbincangan bab sisipan sahaja. Antaranya ialah, *Al-Amnu al-GhidhÉ‘É fi al-IslÉm* karangan AÍmad ÓubÍÉ al-‘EyÉdÉ (1999), *Mushkilah al-Bai‘Élah wa ‘IlÉjuhÉ* karangan JamÉl ‘asan al-SarÉÍnah (2000). Skop perbincangan adalah meliputi perkara yang berkaitan dengan faedah membangun sumber tanah dengan cara bertani yang dilihat efektif menangani masalah kebuluran dan pengangguran.

Kajian lampau dalam bidang undang-undang pula membincangkan hal yang berkaitan dengan peraturan pembahagian tanah secara LTS seperti yang terkandung dalam undang-undang Islam dan undang-undang Inggeris. Antaranya ialah *Undang-Undang Tanah Islam: Pendekatan dan Perbandingan* karangan Ridzuan Awang (1994) dan *Malaysia Torrens System* karangan Haji Salleh Buang (1992).

Kertas kajian ini berbeza daripada kajian-kajian lampau yang telah disebutkan di mana ia berusaha mengemukakan realiti beberapa faktor utama pengabaian ladang pertanian LTS di Negara Brunei Darussalam dan juga cuba untuk memberikan solusi terbaik bagi meningkatkan keupayaan membangun dan menghasilkan dari ladang tersebut. Faktor utama pemilihan tajuk ini ialah kerana melihat kepada status ladang pertanian LTS di Negara Brunei Darussalam yang statik dan kaku tidak dapat memainkan peranannya sebagai satu sumber yang boleh diharapkan untuk meningkatkan kondisi perekonomian negara khususnya sektor pertanian; kuantiti hasil pertanian yang diperolehi adalah terlalu kecil yang hanya mencukupi untuk kegunaan konsumsi sekeluarga dan tidak ada hasil yang dapat dipasarkan (**Basza Suriyawati, 2007**). Kajian lapangan menunjukkan bahawa kegagalan ladang pertanian LTS di Negara Brunei Darussalam menjalankan fungsinya yang signifikan untuk membantu membangun ekonomi negara adalah berpunca daripada faktor pengabaian dan tidak dimanfaatkan secara optimum oleh para penerimanya yang akhirnya menjadikan ladang tersebut menjadi terbiar (**Pengiran Haji Murni, 2007**) dan bertukar menjadi hutan (**Haji Abdul Wahab, 2007**). Pengabaian sumber tanah yang sepatutnya berpotensi dibangunkan untuk menyumbang bakti kepada masyarakat dan negara dilihat sebagai satu pembaziran yang sangat merugikan. Senario ini dapat dilihat dengan jelas menerusi praktik pegusahaan ladang pertanian LTS berkelompok yang diusahakan oleh koperasi ladang komunal di bawah

¹ Pembahagian tanah secara Lesen Tumpang Sementara (LTS) ialah: pembahagian bidang tanah tertentu yang dilakukan oleh pemerintah atau wakil pemerintah kepada pemohon-pemohon tertentu untuk dibangunkan dengan syarat-syarat tertentu. Dalam bahasa Inggeris ia dikenali sebagai *Temporary Occupation License (TOL)*. Di Negara Brunei Darussalam, praktik pembahagian tanah secara LTS / *TOL* dilakukan oleh Jabatan Tanah Kementerian Pembangunan. Pemilikan tanah hanya bersifat sementara dan dimanfaatkan untuk kegunaan pertanian sahaja. Tempoh mengusahakan tanah LTS ialah selama setahun dan boleh diperbaharui dari semasa ke semasa tertakluk kepada kemajuan pembangunan tanah. Keluasan pembahagian tanah adalah tertakluk kepada jenis permohonan; permohonan perseorangan keluasan tapak tidak melebihi 5 ekar dan permohonan berkumpulan keluasan tapak boleh melebihi 5 ekar.

² *IqÉÉ‘ IstighlÉl*: membangun tanah tertentu dengan syarat mendapat izin pemerintah atau wakil pemerintah terlebih dahulu. Pemerintah akan membahagikan bahagian tertentu daripada tanah yang dikehendaki untuk dimanfaatkan oleh pemohon secara sementara.

Program Kemajuan Pertanian Luar Bandar (Program KPLB) kelolaan Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.³ Rentetan itu, pihak kerajaan telah mengambil keputusan untuk membekukan semua permohonan tapak pertanian LTS bermula pada bulan Mac 2008.

Untuk mendapatkan informasi yang diperlukan oleh kertas kajian ini, penyelidik telah memilih dua metod kajian iaitu kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Kajian kepustakaan adalah perlu untuk mendapatkan pandangan teoritikal berkenaan dengan hal ehwal pertanian, membangun tanah, bentuk dan solusi permasalahan yang dihadapi, dan sebagainya. Ia telah dilakukan dengan cara mengumpul maklumat yang mempunyai hubungan kait secara langsung atau tidak langsung dengan perbincangan kajian dari dua jenis sumber rujukan; primer dan sekunder (contohnya buku, laporan bertulis, artikel, dan lain-lain) sama ada yang ditulis dalam Bahasa Melayu, Bahasa Arab, atau pun Bahasa Inggeris. Maklumat yang diperolehi seterusnya disaring, diletak, kemudian disusun dan diuraikan pada tempat perbincangan yang bersesuaian di dalam kertas kajian ini.

Pendekatan kajiselidik dan temubual telah digunakan untuk memenuhi keperluan kajian lapangan. Metod kajian ini sangat sesuai dan relevan untuk mendapatkan maklumat praktikal tentang bagaimana ladang pertanian LTS diusahakan di samping mengenalpasti kekangan yang dihadapi oleh para petani mengusahakan ladang pertanian tersebut. Agihan kertas kajiselidik telah dilakukan di Negara Brunei Darussalam bermula pada 14 Oktober 2008 dan berakhir pada 8 Mac 2009. Sebanyak 222 naskah kajiselidik telah diagihkan kepada para petani ladang komunal di bawah Program KPLB (114 naskah kajiselidik diagihkan kepada petani Koperasi Ladang Komunal Ikatan Tanah Jambu di Daerah Brunei Muara dan 108 naskah diedarkan kepada petani Koperasi Ladang Komunal Bukit Nanas "B" di Daerah Tutong).⁴ Soalan kajiselidik menjurus kepada perkara yang berkaitan dengan jenis tanaman, kaedah pertanian, sumber tenaga manusia, penghasilan, pemasaran, pendapatan, dan sebagainya. Sebanyak 48% daripada kertas kajiselidik telah dikembalikan kepada penyelidik dan dianalisis menggunakan program *Statistical Package for Social Science (SPSS) 14.0*. Temubual pula telah dijalankan yang melibatkan pegerusi-gerusi ladang komunal berkenaan dan pegawai-pegawai kerajaan yang terdiri daripada pegawai Jabatan Tanah dan pegawai Jabatan Pertanian di kedua-dua buah daerah iaitu Daerah Brunei Muara dan Daerah Tutong. Soalan temubual berkisar tentang agihan tanah, pengurusan, tanggungjawab, sebab-sebab yang telah dikenalpasti menjadi punca pengabaian ladang pertanian LTS, dan perkara-perkara lain yang bersangkutan. Hasil temubual telah dianalisis dengan menggunakan program *Nvivo 8*.

Berpandukan metod kajian yang dipilih, huraian terhadap tajuk kajian ini dapat dipersembahkan menerusi dua tajuk kecil iaitu: pertama, punca pengabaian ladang pertanian LTS yang merangkumi faktor demografi, faktor jenis tanaman, faktor tempat pemasaran, faktor peribadi, faktor alam semula jadi, dan faktor lain. Kedua, solusi meningkatkan keupayaan membangun tanah pertanian yang meliputi aspek prinsip dasar asas tani dan mewujudkan dasar strategi yang mampan.

Pertama: punca pengabaian ladang pertanian lts

1) Faktor Demografi

a) Faktor usia dan budaya kerja:

Usia memainkan peranan yang penting dalam mengeluarkan hasil pertanian kerana ia akan menentukan tingkat keupayaan para petani sama ada mampu mengusahakan ladang mereka atau pun sebaliknya. Kenyataan ini disokong oleh kajian lampau yang menyebutkan bahawa faktor penyumbang kepada kurangnya penghasilan pertanian dan faktor pengabaian tanah ialah disebabkan ketidakmampuan para petani mengusahakannya atas sebab fizikal mereka yang lemah kerana telah mencapai usia senja (**Pazim @ Fazim Othman, 2003**).

Kenyataannya, kajian lapangan mendapati rata-rata para petani yang telah mencapai usia 55 tahun ke atas tidak berkemampuan untuk mengusahakan tapak pertanian mereka. Daripada keluasan tanah 0.25 – 0.5 hektar, hanya setengah hektar sahaja yang mampu diusahakan (dengan penanaman yang berbentuk ala kadar sahaja), sementara setengahnya lagi terbengkalai tanpa diusahakan. Akibat daripada pengabaian tapak pertanian tersebut, penghasilan berada pada tahap yang sangat rendah. Ini setentunya secara langsung memberi kesan negatif kepada pendapatan individu⁵.

Selain daripada faktor umur, faktor budaya kerja juga perlu diberi penekanan yang kuat kerana kejayaan membangun tanah pertanian bergantung besar kepada budaya tekun bekerja dan dilakukan secara berterusan. Perkara ini turut ditekankan dalam kajian lampau yang menyarankan supaya aktiviti pertanian sekarang perlu dilakukan secara sepenuh masa dan bukan setakat dilakukan untuk menyara diri dan keluarga, atau dijadikan sebagai aktiviti mengisi masa lapang atau aktiviti sampingan (**Zainalabidin Mohamed, 2005**).

³ Di Negara Brunei Darussalam, terdapat 40 buah ladang pertanian LTS dengan keluasan keseluruhan 1,908.7 hektar telah diusahakan secara berkelompok oleh koperasi ladang komunal di bawah Program KPLB; 12 kawasan di Daerah Brunei Muara; 20 kawasan di Daerah Tutong, 3 kawasan di Daerah Belait, dan 5 kawasan di Daerah Temburong. Berdasarkan laporan Jabatan Tanah, hanya 51% daripada keseluruhan keluasan ladang pertanian tersebut yang dapat diusahakan sementara 49% masih terbiar.

⁴ Koperasi Ladang Komunal Ikatan Tanah Jambu dan Koperasi Ladang Komunal Bukit Nanas "B" telah dipilih sebagai lokasi kajian kerana kedua-dua koperasi ini masih wujud dan masih menjalankan aktiviti pertanian hingga ke hari ini. Selain itu, faktor pemilihan kedua-dua koperasi ini ialah atas nasihat pegawai-pegawai Jabatan Tanah yang menurut mereka sangat sesuai untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan oleh kajian ini.

⁵ Teori Nilai (*Price Theory*) menyebutkan: seseorang akan memperolehi keuntungan berdasarkan kepada kuantiti yang dihasilkan. Ini berarti, petani yang berjaya mengeluarkan hasil pertanian yang banyak akan memperolehi pendapatan yang banyak, begitulah sebaliknya. Lihat: 'ArÈqÈt, ×arbÈ MÈsÈ. (1997). *MabÈdi' al-IqilÈd: al-IqilÈd al-Juz È wa al-IqilÈd al-KullÈ*, Amman: DÈr ZahrÈn. hal. 87.

Dalam hal ini, kajian telah mendapati tanah pertanian LTS kurang mendapat perhatian dan penjagaan yang wajar daripada kalangan para petani kerana kesibukan mereka bekerja sepenuh masa di sektor awam dan swasta. Kesibukan mereka bekerja telah mengakibatkan banyak ladang pertanian LTS yang terabai dan tidak berfungsi sebagai tapak pengeluaran hasil pertanian seperti yang diharapkan. Dalam masa yang sama, kajian juga mendapati para petani yang berada dalam lingkungan umur 18 – 55 tahun dan meluangkan masa sepenuhnya mengerjakan tapak pertanian telah berjaya mengusahakan keseluruhan tapak tanpa pengabaian.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi ini, maka dapat dibuat kesimpulan bahawa untuk mencapai objektif membangun tanah pertanian dan kecukupan penghasilan makanan bagi memenuhi keperluan penduduk, maka pihak kerajaan perlu menetapkan had umur minima dan maksima yang bersesuaian kepada individu yang ingin bekerja sebagai petani di tapak pertanian komersil. Had umur yang dicadangkan ialah dalam lingkungan umur 18 – 55 tahun⁶.

Tambahan itu, pihak kerajaan juga perlu menetapkan satu peraturan untuk tidak membenarkan sesiapa yang bekerja sepenuh masa – sama ada di sektor awam atau pun swasta – terlibat dalam aktiviti pertanian komersil. Peluang mengusahakan tapak pertanian komersil seharusnya diberikan keutamaan kepada mereka yang menganggur dan mahu bekerja supaya tapak berkenaan dapat dibangunkan dengan sepenuh masa dan dimanfaatkan semaksima mungkin.

b) Faktor bilangan petani dan keluasan tapak:

David Ricardo dalam teorinya yang dikenali dengan “Peraturan Daya Marjinal Menurun” (*The Law of Diminishing Marginal Return*) telah mengingatkan bahawa sesebuah tapak pertanian dengan keluasan tertentu (variasi tetap) mampu diusahakan dan akan mengeluarkan hasil ke tahap yang paling maksima apabila para petani (variasi berubah) digunakan pada bilangan yang sesuai. Menurutnya, setelah pengeluaran hasil pertanian mencapai had paling maksima, sedangkan bilangan para petani yang digunakan untuk mengusahakan tapak tersebut terus bertambah akan menyebabkan penurunan daya hasil pertanian di tapak tersebut (Al-Éj, 1997).

Mesej utama yang hendak disampaikan oleh Ricardo menerusi teori ini ialah perlunya menentukan bilangan petani yang sesuai⁷ untuk mengusahakan satu-satu tapak pertanian. Apabila berlaku pertautan yang serasi antara kedua-dua unsur (tanah dan bilangan petani) pada nisbah yang sesuai, akan memberi impak yang besar terhadap pengusahaan tanah dan penghasilan sehingga mencapai tahap yang paling maksima.

Kesahihan teori ini terbukti benar apabila kajian mendapati sebahagian besar tapak pertanian komersil terabai kerana diusahakan secara bersendirian⁸. Hal ini membuktikan bahawa kekurangan bilangan petani telah menyebabkan unsur keluasan tanah tidak dapat berinteraksi secara realistik dengan unsur bilangan petani sedia ada yang mengakibatkan tapak pertanian terabai dan rendahnya kuantiti penghasilan.

Memajukan tapak pertanian yang keluasannya tidak berkolaborasi dengan bilangan petani yang mengusahakannya akan menyebabkan tanah pertanian menjadi terbiar. Hal ini merupakan satu bentuk pembaziran sumber kekayaan negara yang mengakibatkan ketidakseimbangan sosial dan ekonomi. Oleh yang demikian, pihak kerajaan mestilah mengawal bilangan para petani untuk mengerjakan satu-satu tanah pertanian komersil supaya ianya dapat mengeluarkan hasil pertanian yang lebih besar dan meraih pendapatan yang lebih lumayan.

2) Faktor Jenis Tanaman

Kajian lampau mendapati faktor jenis tanaman juga boleh memberi kesan negatif terhadap pengeluaran dan pendapatan petani, khasnya tanaman yang mempunyai jangka hayat yang panjang kerana ia memerlukan tempoh penyelenggaraan yang sangat lama hingga mengeluarkan hasil (Sa'Éd & usayn, 2001).

Tanpa disedari, tempoh yang panjang boleh menyebabkan tanaman berhadapan dengan situasi berbahaya akibat daripada perubahan iklim, serangan penyakit, dan gangguan serangga yang mencetuskan respon genetik yang tidak diduga. Selain itu, pertumbuhan yang perlahan juga akan melambatkan proses mendapatkan hasil.

Kajian mendapati sebilangan besar para petani ladang pertanian LTS telah memilih tanaman jenis kekal seperti rambutan, durian, langsung, dan sebagainya untuk dijadikan tanaman pilihan utama. Jenis tanaman ini dipilih kerana – menurut mereka – ia mudah

⁶ Had umur 18 – 55 tahun ini sangat sesuai dengan usia kerja (*labour force*) mengikut takrifan Undang-Undang Negara Brunei Darussalam. Lihat: Laws of Brunei. (1984). jld. 6. Perkara 93. hal. 16 dan jld. 4. Perkara 38. hal. 7. Umur persaraan telah dipinda menjadi 60 tahun seperti yang dititahkan oleh KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 15 Julai 2009. Undang-Undang tersebut mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2010.

⁷ Walau bagaimanapun, Ricardo tidak memberikan formula tertentu untuk mendapatkan bilangan petani yang sesuai untuk mengerjakan sesebuah tapak pertanian. Penentuan bilangan tersebut adalah tertakluk kepada pengalaman dan kebijaksanaan pihak pengurus tanah pertanian. Oleh itu, kajian yang komprehensif mengenainya perlu dilakukan.

⁸ Berdasarkan analisis kajian yang dibuat, tanah pertanian seluas 0.25 hektar telah dapat diusahakan sepenuhnya (dengan cara pertanian tradisional) oleh 3 orang tenaga kerja. Menurut perkiraan kasar, tanah pertanian seluas 0.5 hektar akan dapat diusahakan sepenuhnya oleh 6 orang tenaga kerja. Walau bagaimanapun, perkiraan ini belum mengambil kira unsur perubahan variasi sumber pengeluaran lain seperti penggunaan alat dan sebagainya. Semakin maju peralatan yang digunakan, maka semakin kurang tenaga kerja yang diperlukan.

dijaga dan tidak memerlukan kos penjagaan yang besar berbanding dengan tanaman sementara seperti sayur-sayuran yang mesti dijaga dengan rapi dan memerlukan kos perbelanjaan besar untuk pembelian baja, racun, alat, merawat penyakit, dan sebagainya.

Realitinya, pemilihan jenis tanaman kekal sebagai pilihan utama dan mengabaikan tanaman sementara secara tidak langsung telah memberi kesan yang tidak menentu terhadap komposisi pengeluaran hasil pertanian. Hal ini telah dibuktikan menerusi kajian yang mendapati hasil ladang pertanian komersil kadang-kadang meningkat pada musim tertentu dan menurun pada musim yang lain. Keadaan naik turun ini berlaku kesan daripada jenis tanaman kekal yang dipilih kerana ia mengeluarkan hasil secara bermusim.

Selain itu, kajian juga mendapati para petani yang memilih penanaman sayur-sayuran di samping pokok buah-buahan mendapat hasil yang lebih lumayan berbanding yang memilih penanaman pokok buah-buahan sahaja. Hasil kajian ini membuktikan bahawa kedua-dua jenis tanaman ini sama penting untuk mencapai kemajuan ekonomi sesebuah negara.

3) Faktor Tempat Pemasaran

Kajian mendapati hasil tanaman pada lazimnya digunakan oleh para petani untuk kegunaan sendiri. Jarang sekali hasil pertanian yang dijual kerana kuantiti penghasilan yang terlalu sedikit. Kalau adapun hasil yang dijual, ianya tidak menjanjikan pendapatan yang besar. Hal ini berlaku akibat daripada ketidaksesuaian tempat para petani memasarkan hasil pertanian mereka; hasil dijual kepada kawan-kawan, saudara mara, adik beradik, rakan sepejabat, dan orang tengah yang melakukan penjualan.

Tidak dinafikan terdapat juga daripada kalangan para petani yang berjaya menembusi pasaran tempatan dengan menjual hasil pertanian mereka di pasar khas pertanian seperti pasar daerah dan pasar borong. Dengan penjualan tersebut mereka berjaya memperolehi pendapatan yang sedikit lumayan berbanding dengan kumpulan yang disebutkan sebelumnya.

Keadaan di atas menggambarkan bahawa hasil pertanian mestilah dijual pada tempat yang sesuai. Ia mestilah dijual sendiri oleh pemiliknya kerana ia dapat mengurangkan kebergantungan kepada orang tengah supaya kos komoditi tidak melambung akibat daripada faktor pindah tangan yang menyebabkan kurangnya pendapatan (Al-SarĒĪnah, 2000). Oleh yang demikian, adalah penting untuk para petani melipatgandakan usaha mereka mengeluarkan hasil pertanian yang lebih besar supaya dapat dipasarkan di tempat-tempat bersesuaian, bukan sahaja di pasaran tempatan bahkan juga pasaran antarabangsa, agar mereka beroleh pendapatan dan keuntungan yang besar demi menjamin kehidupan yang lebih selesa dan sejahtera.

4) Faktor Peribadi

a) Tiada keikhlasan dan kesungguhan:

Kemajuan yang dikecapi oleh negara maju pada hari ini mustahil dapat dicapai tanpa adanya kesungguhan masyarakatnya bekerja. Begitu juga dengan kaum Muslimin terdahulu yang berjaya membangun tamadun Islam yang agung tidak akan dapat dicapai tanpa adanya keikhlasan dan kesungguhan bekerja. Tetapi realiti masyarakat Islam pada hari ini dilihat sebagai sebuah masyarakat yang mundur dan jauh ketinggalan dalam pelbagai bidang. Perkara ini berlaku disebabkan keikhlasan dan kesungguhan bekerja sudah semakin menipis dalam diri individu Muslim (Al-SanĒdĒ, 2009).

Berdasarkan kenyataan di atas, boleh difahami bahawa “keikhlasan” dan “kesungguhan” merupakan dua unsur utama dalam menjayakan apa jua bidang pekerjaan, termasuklah bidang pertanian. Namun, realiti hari ini menunjukkan hanya segelintir sahaja daripada kalangan petani yang mempunyai niat ikhlas dan berusaha bersungguh-sungguh untuk bertani, sedangkan sebahagian besar menganggapnya sebagai aktiviti mengisi masa lapang, hobi, dan riadah.

Perkara ini telah dibuktikan menerusi kajian yang mendapati lebih daripada 50% para petani yang tidak mengambil berat dalam membuat persediaan tertentu untuk aktiviti penanaman tanah pertanian sungguhpun mereka mampu berbuat demikian; tiada perancangan, tiada alat pertanian, tiada semaian, dan tiada benih. Bahkan lebih teruk lagi, ada yang memohon tanah pertanian di beberapa tempat bagi tujuan mendapatkan tapak untuk diagihkan kepada waris selepas pemergian mereka. Keadaan ini menggambarkan bahawa kesedaran tentang peri pentingnya membangun tanah pertanian dalam diri mereka masih rendah berbanding daripada keinginan untuk mendapatkan lebih banyak tapak untuk kegunaan peribadi. Perbuatan mengumpul tapak pertanian tanpa diusahakan merupakan satu pembaziran besar terhadap harta kekayaan negara yang merugikan semua pihak. Oleh yang demikian, para petani yang menerima pembahagian tanah LTS perlu terlebih dahulu didedahkan dengan informasi mengenai tujuan pembahagian tanah, tanggungjawab yang mesti mereka pikul, dan perkara lain melalui sesi taklimat untuk memastikan ladang pertanian dapat berfungsi dan berbakti kepada bangsa dan tanah air. Untuk para petani yang mempunyai masalah-masalah peribadi yang berkaitan dengan etika, sesi kaunseling dilihat sangat efektif untuk membantu dan memberi jalan keluar daripada permasalahan tersebut.

b) Kemunduran teknologi dan kurang pengetahuan praktikal:

Teknologi memainkan peranan yang signifikan dalam meningkatkan daya penghasilan yang mempengaruhi Keluk Pembekalan (*Supply Curve*) (KarĒjah *et.al.*, 2001); semakin maju teknologi yang digunakan dalam penghasilan akan memberi peluang kepada pengeluar untuk meningkatkan daya pengeluaran dan meraih keuntungan. Sebaliknya, kemunduran teknologi akan menyebabkan kenaikan kos pengeluaran yang mengakibatkan kurangnya penghasilan dan pendapatan.

Pada hari ini, kemajuan teknologi merupakan sumber utama kemajuan ekonomi sesebuah negara. Teknologi telah mengubah gaya hidup manusia. Contohnya penggunaan mesin dalam aktiviti pertanian mampu meringankan tugas para petani dalam kerja membajak, menuai, dan sebagainya.

Namun, kenyataannya para petani pada hari ini masih berada pada takuk lama iaitu melakukan aktiviti pertanian dengan kaedah tradisional⁹. Sementara yang menggunakan kaedah penanaman berteknologi¹⁰ bilangan mereka masih terlalu sedikit.

Adapun punca yang dikenal pasti menghalang para petani menggunakan teknologi dalam aktiviti pertanian ialah disebabkan mereka tidak mempunyai pengetahuan praktikal menggunakan alat-alat moden. Keadaan ini dikenali dengan istilah “buta teknologi¹¹”. Berdasarkan maklumat ini, maka dapat difahami bahawa kemajuan ekonomi sesebuah negara tidak hanya bergantung kepada kemajuan teknologi semata, bahkan juga memerlukan tenaga mahir yang memiliki ilmu pengetahuan yang cukup untuk mengendalikannya.

5) Faktor Alam Semula jadi

Kajian juga mendapati bahawa pengabaian tanah pertanian komersil juga berpunca daripada beberapa faktor alam semulajadi, antaranya:

- a) Kemasaman tanah: Ia merupakan masalah besar yang dihadapi oleh para petani kerana tahap kemasaman yang tinggi menyukarkan aktiviti penanaman sayur-sayuran. Oleh yang demikian, para petani lebih cenderung memilih tanaman bersifat kekal yang mampu menahan kemasaman tanah;
- b) Tanah susur: Tanah susur dapat dibahagikan kepada dua keadaan, pertama, susur secara semulajadi akibat daripada hujan lebat sepanjang tahun menyebabkan permukaan tanah yang subur terhakis. Kedua, susur kerana perbuatan manusia yang merosakkan permukaan tanah dengan kegiatan selain pertanian seperti pamparitan yang tidak teratur atau tidak perlu, mendirikan bangunan, dan sebagainya;
- c) Banjir: Masalah banjir kian meruncing apabila pihak-pihak berkenaan tidak mengambil langkah bersesuaian untuk menanganinya. Masalah ini mengakibatkan tanah pertanian ditenggelami air, tanah hilang kesuburannya dan menyebabkan kemusnahan tanaman; dan
- d) Binatang perosak: Binatang perosak seperti monyet, kera, tikus, dan babi hutan sering mengganggu tanaman. Para petani tidak berdaya untuk menghalangnya disebabkan dasar negara yang melarang binatang tersebut dibunuh kerana dikhuatiri pupus.

6) Faktor Lain

Jarak tapak pertanian: Pengabaian tapak pertanian juga berpunca daripada jarak tempat tinggal para petani yang jauh dari tapak pertanian. Ini menyebabkan kesukaran para petani mengusaha dan memantau hasil tanaman mereka;

- a) Penyalahgunaan tapak pertanian: Didapati sesetengah para petani yang menyalahgunakan tapak pertanian dengan mendirikan bangunan yang menyebabkan keluasan kawasan pertanian berkurangan. Ini secara tidak langsung memberi kesan negatif terhadap hasil pengeluaran;
- b) Proses pemasaran: Ia merupakan masalah besar yang dihadapi oleh para petani kerana masih mundur dan kurang pengetahuan dalam perkara yang berkaitan dengan proses pembungkusan, pengetinan, penyimpanan, dan sebagainya;
- c) Kos pengeluaran: Para petani juga tidak dapat bersaing dengan pengeluar besar tanaman, lebih-lebih lagi terpaksa berhadapan dengan kos pengeluaran yang tinggi dalam proses pemasaran; dan
- d) Agihan infrastruktur: Agihan kemudahan infrastruktur di tapak pertanian masih pada tahap da'Êf. Ini menyukarkan para petani untuk menyediakan keperluan dan peralatan untuk digunakan dalam aktiviti pertanian. Maka berlakulah pengabaian tanah dan mengganggu proses pengeluaran.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa faktor yang menyumbang kepada masalah pengabaian tanah pertanian LTS di Negara Brunei Darussalam berpunca dari pelbagai aspek. Faktor yang dikenal pasti mesti ditangani dengan sebaiknya supaya hasrat membangun tanah pertanian dapat direalisasikan dengan jayanya di masa akan datang.

Kedua: Solusi meningkatkan keupayaan membangun tanah pertanian

Suatu usaha yang dilakukan untuk menghasilkan sesuatu yang mempunyai nilai ekonomi tidak memadai kalau hanya dilakukan berdasarkan kemahuan hati. Sewajarnya usaha itu terlebih dahulu dirancang dengan teliti supaya ianya dapat membuahkan hasil yang positif sebagaimana yang diharapkan. Dalam erti kata lain, tidak sempurna suatu usaha tanpa adanya perancangan. Begitu juga perancangan tidak akan memberi makna tanpa adanya usaha (**AbÉÐah, T.T**).

⁹ Kaedah tradisional: Iaitu dengan menanam benih tanaman di atas tanah dan menunggu sehingga ia mengeluarkan hasil, ataupun menanam semaian yang dicambah terlebih dahulu di dalam bekas yang diisi dengan tanah gambut dan memindahkannya untuk ditanam di atas tanah.

¹⁰ Kaedah berteknologi: Iaitu dengan menggunakan alat pertanian terkini seperti mesin, alat penyembur, alat penyiraman, dan sebagainya.

¹¹ Buta teknologi: Iaitu keadaan seseorang individu yang tidak berkeupayaan menggunakan teknologi moden dan menyesuaikan diri dengannya.

Contohnya, aktiviti pelaburan mempunyai nilai ekonomi. Namun nilai itu bukanlah suatu yang pasti dapat diraih. Untuk meraih nilai yang dicita-citakan, seseorang perlu mengorbankan hartanya untuk tujuan itu. Sebelum mengorbankan hartanya, bidang pelaburan yang hendak diterokai mestilah terlebih dahulu dikaji supaya pemilik harta terhindar daripada masalah menanggung kerugian. Dengan adanya perancangan yang teliti, risiko kerugian dapat diminimalkan dengan sebaik mungkin dan nilai yang dicari berkemungkinan dapat diraih dengan jayanya (Al-RÉwÉ, 1999). Berdasarkan contoh ini, dapatlah dikatakan bahawa perancangan merupakan satu langkah utama yang mesti dilakukan oleh setiap individu yang berhasrat untuk menceburkan diri dalam bidang perekonomian, termasuklah dalam usaha membangun ekonomi pertanian kerana ia melibatkan harta individu, masyarakat, dan negara yang mesti dipelihara. Dengan adanya perancangan yang baik setentunya dapat menghindar improvisasi dalam proses pengeluaran yang boleh mengakibatkan kesan buruk kepada ekonomi nasional dan juga pengguna (Abduh, 2002).

Adapun yang dimaksudkan dengan perancangan yang baik dalam konteks pembangunan ekonomi pertanian ialah suatu perancangan yang praktikal dan boleh direalisasikan untuk mengemas diri, meningkatkan tahap kecekapan membangun dan memajukan tanah pertanian dengan lebih berkesan. Dalam erti kata lain, perancangan ini dilakukan ialah untuk mewujudkan suasana baru yang lebih berwibawa, meningkatkan sarana produktiviti pertanian yang meliputi aspek teknikal dan pengurusan, mengembangkan kemahiran tenaga kerja, dan meningkatkan prestasi kerja ke tahap yang lebih cemerlang.

Dalam usaha untuk meningkatkan keupayaan membangun tanah pertanian, dua bentuk solusi telah dicadangkan iaitu pertama, amalan prinsip dasar asas meliputi aspek kongsi dana, kerjasama, dan pembahagian tugas. Kedua, mewujudkan prinsip dasar strategi mampan yang meliputi aspek membekal ilmu pengetahuan dan kemahiran asas tani sejak bangku sekolah, mengadakan latihan teknologi intensif, mewujudkan pasaran kongsi, menyediakan peruntukan khas, menawarkan insentif menarik, dan mewujudkan hubungan langsung dengan sektor swasta.

1) Mengamalkan Prinsip Dasar Asas Tani

Merujuk semula kepada faktor pengabaian tanah pertanian dan ketidakberkesannya meningkatkan hasil pengeluaran, maka adalah perlu untuk merancang beberapa dasar kukuh dan bersepadu untuk menangani permasalahan tersebut. Suatu dasar yang berkesan untuk menangani suatu permasalahan mestilah yang merangkumi jangka masa panjang dan sederhana serta disandarkan kepada asas yang kuat dan dikaji terlebih dahulu.

Dalam bahagian ini pengkaji akan berusaha membawakan beberapa prinsip dasar yang boleh dipraktikkan untuk meningkatkan keupayaan membangun tanah pertanian dengan lebih efektif di masa akan datang. Dasar yang dimaksudkan ialah:

a) Amalan berkongsi dana:

Perkongsian¹² ialah merupakan satu kontrak pelaburan yang memerlukan perkongsian dana daripada beberapa orang individu sebagai sumbangan modal untuk dilaburkan dalam aktiviti tertentu. Prinsip perkongsian dana dalam pelaburan sangat penting kerana melabur secara bersendirian yang hanya berbekalkan modal yang kecil tidak akan dapat menembusi bidang pelaburan yang besar kerana pelaksanaannya memerlukan sumbangan modal yang besar. Dengan perkongsian, ia dapat menggabungkan sumber unit-unit kecil hingga menjadi lebih besar dan cukup kuat untuk melaksanakan projek baru atau peluasan projek sedia ada dengan cara melakukan pengembangan dan pembaharuan (ØÉlÉ, 2001).

Dalam konteks pembangunan ekonomi pertanian, para petani juga boleh mengikuti prinsip perkongsian dana ini dengan cara mengumpul semua sumber penghasilan terutamanya penanaman modal kerana ia berperanan dalam meningkatkan keupayaan sumber penghasilan lain dengan lebih berkesan dan seterusnya memungkinan proses penghasilan dibuat dengan jayanya.

Pengumpulan modal boleh dilakukan melalui sumbangan dana daripada para petani. Sumbangan tersebut tidak disyaratkan sama rata. Bermula dari situ, modal yang terkumpul bukan lagi menjadi milik perseorangan, tetapi milik semua penyumbang (×ammÉd, 2001). Dana yang terkumpul membolehkan para petani membeli keperluan-keperluan asas tani seperti mesin, alat, peti penyimpanan, biji-bijian, baja, bibit tanaman, racun, dan keperluan lain yang diperlukan. Sekiranya dana yang dikumpul tidak mencukupi kerana harganya yang tinggi, "maka disyorkan supaya pembelian keperluan tersebut dilakukan secara bayaran ansuran yang boleh diperolehi menerusi ekspo perdagangan ataupun melalui sektor kewangan yang menawarkan khidmat jualan harga tertanggung (Mullim, 2002)".

Perlu diingatkan bahawa prinsip perkongsian dana ini tidak terlepas daripada konsep menanggung risiko (*no pain no gain*) kerana keuntungan tidak akan diperolehi melainkan berdepan dengan risiko (Al-GhazÉlÉ, 1989). Keistimewaan prinsip ini menjadikan para petani sebagai satu rakan kongsi yang sama-sama menikmati keuntungan dan juga menanggung kerugian. Maka tidak ada golongan yang memperalatkan atau diperalatkan kerana semua ahli terlibat menjadi pekerja ladang pertanian dan dibayar upah berdasarkan keuntungan yang diperolehi (Al-DamÉhÉ, 1985).

b) Amalan bekerjasama:

Bekerjasama melakukan suatu perkerjaan yang berkebakikan merupakan keperluan sosial dan ekonomi. Seseorang individu tidak boleh hidup tanpa bekerjasama dan dibantu oleh individu lain. Sesebuah keluarga atau kumpulan tidak dapat membentuk kekuatan atau mengumpul kekayaan tanpa adanya usahasama daripada kalangan ahlinya. Begitu juga dengan syarikat atau pertubuhan organisasi tidak akan dapat mencapai kemajuan tanpa adanya kerjasama daripada kalangan ahlinya dan bersatu padu

¹² Perkongsian dalam istilah Bahasa Arab disebut sebagai *al-MushÉrah*.

untuk merealisasikan objektifnya (Al-DamĒhĒ, 1985). Dengan adanya kerjasama yang kuat setiap individu akan dapat menangani pelbagai masalah yang dihadapi dengan lebih berkesan di samping dapat membangkitkan roh persaudaraan dan persahabatan yang erat sesama mereka.

Oleh yang demikian, prinsip bekerjasama dan bantu membantu ini perlu dipupuk dalam suasana membangun ekonomi pertanian di sesebuah negara. Dengan bekerjasama, para petani dapat membeli mesin dan peralatan pertanian, menyediakan bengkel membaiki peralatan, dan memilih tenaga kerja yang terlatih serta berkemahiran untuk mengendalikan mesin dan peralatan tersebut.

Dengan bekerjasama juga dapat membantu menangani masalah serangan binatang atau serangga perosak dan penyakit tanaman di samping dapat mengurangkan kos penyediaan keperluan pertanian dan meningkatkan penghasilan iaitu dengan cara bekerjasama memasarkannya pada harga yang lebih rendah daripada harga pasaran biasa. Ini tentunya akan dapat membantu meningkatkan pendapatan dan keuntungan daripada kalangan para petani (FarrĒj, T.T).

Merujuk keistimewaan yang terdapat dalam prinsip bekerjasama ini, maka tidak sepatutnya para petani bekerja secara bersendirian tanpa dibantu oleh petani yang lain. Aktiviti menghasilkan keperluan masyarakat seharusnya dilakukan dengan kerjasama supaya dapat membuahkan hasil yang lebih lumayan melebihi daripada keperluan harian.

Tidak dapat dinafikan bahawa setiap petani mempunyai misi dan objektif masing-masing yang hendak dicapai. Ini bermakna usaha untuk menyatupadukan mereka bukan lah satu tugas yang mudah. Ke arah mewujudkan suasana bersatu padu dan bekerjasama membangun tanah pertanian ini, pihak yang berkenaan perlu menyediakan satu objektif khas – paling kurang – untuk dicapai oleh semua petani. Dengan itu, kesefahaman dan keseragaman akan dapat diwujudkan daripada kalangan mereka.

c) Amalan berbagi tugas:

Prinsip berbagi tugas adalah mustahak dalam aktiviti penghasilan. Dengan adanya pembahagian tugas yang jelas akan dapat meningkatkan tahap kecekapan dan seterusnya meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi ('Abdul QĒdir, 1997). Kajian lampau mendapati dengan amalan prinsip pembahagian tugas akan dapat melahirkan kesan positif terhadap produktiviti dan keluaran menyeluruh berdasarkan pertimbangan berikut ('Afar, 1985):

- i) Seseorang pekerja akan memperoleh kemahiran dalam suatu bidang tertentu dengan lebih spesifik dan tekun melakukannya. Dengan kecekapannya melakukan suatu tugas dalam masa yang singkat akan memberi kesan yang besar terhadap peningkatan produktiviti;
- ii) Pembahagian tugas akan memberi peluang kepada seseorang pekerja melakukan perkerjaan mengikut kehendak nalurinya iaitu sesuai dengan kebolehannya. Ini akan dapat meningkatkan lagi produktiviti kerja;
- iii) Pembahagian tugas juga menjadikan seseorang pekerja melakukan kerja secara rutin. Dengan itu, dia akan dapat menimba lebih banyak pengalaman dalam kerja yang dilakukannya dan berusaha untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan bekerja; dan
- iv) Pembahagian tugas juga menyebabkan berlakunya pemecahan proses pengeluaran. Pekerja akan dibahagikan kepada bahagian tertentu yang memberi ruang kepada mereka untuk memperoleh kemahiran dalam masa yang singkat.

Berdasarkan pertimbangan yang disebutkan, maka dalam konteks membangun ekonomi pertanian, para pengurus perlu membahagikan para petani di tempat yang sesuai berdasarkan kecenderungan, kemampuan, pengalaman, bidang, dan kemahiran profesional masing-masing yang diketahui melalui ujian-ujian tertentu yang telah dirancang untuk tujuan tersebut. Kemahiran mereka melakukan suatu tugas tertentu akan memberikan rangsangan dalaman yang kuat dalam diri mereka untuk mencipta alat-alat baru untuk digunakan secara efektif. Penciptaan alat-alat baru ini akan dapat mengurangkan kos penyediaan, mengembangkan seni produktiviti, dan seterusnya meningkatkan hasil pengeluaran dengan lebih efisien.

2) Mewujudkan Dasar Strategi Yang Mampan

Sokongan pihak kerajaan terhadap kegiatan pertanian merupakan satu dasar terpenting dalam sesebuah negara untuk menggalakkan para petani meningkatkan hasil pertanian mereka demi mencapai objektif kecukupan makanan. Sokongan ini dapat dilakukan dalam pelbagai bentuk, iaitu menyokong aktiviti pertanian yang sedia ada, memberi dorongan yang termampu berdasarkan kapasiti tenaga yang ada, dan menangani semua rintangan yang dihadapi oleh para petani dalam membangun tanah pertanian. Dalam erti kata lain, pihak kerajaan perlu bekerja keras untuk meningkatkan kapasiti pertanian, mengukuhkannya dengan segala cara yang ada, dan menggalakkan semua petani untuk terus berusaha. Untuk memastikan dasar ini dapat dilakukan dengan jayanya, pihak kerajaan perlu melaksanakan beberapa strategi bersepadu dan berkesan agar aktiviti pertanian dapat ditingkatkan ke tahap yang lebih baik.

a) Membekalkan pelajar pengetahuan asas tani:

Untuk memastikan kemajuan ekonomi dapat dicapai, tenaga kerja yang terlibat mestilah dibekalkan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran bertani. Ilmu pengetahuan merupakan tunjang utama yang dapat diandalkan untuk meningkatkan daya produktiviti dan pelaburan. Selain itu, ia juga membantu individu untuk berdepan dengan teknologi baru, menjadikannya mahir, kompetitif, kreatif, berinovasi, dan berupaya menggunakan sumber pengeluaran dengan lebih berkesan. Tugas membekalkan ilmu pengetahuan ini tentunya menjadi tanggungjawab pihak yang mengurus hal ehwal pendidikan, praktikal, teknikal, dan vokasional.

Untuk memastikan faedah ilmu pengetahuan dapat diraih, pihak kerajaan mestilah membuat dasar pendidikan yang bersifat menyeluruh dengan melakukan penyusunan semula struktur pendidikan yang meliputi aspek pendidikan dan kemahiran termasuklah bidang pertanian secara bersistematik, iaitu melalui tunjuk ajar, memberi latihan, dan bimbingan. Membekalkan pelajar dengan ilmu pengetahuan pertanian dan kemahiran bertani akan dapat melahirkan bangsa yang berkebolehan untuk menangani pelbagai masalah yang dihadapi dalam mencapai pertumbuhan dan kemajuan ekonomi di samping membimbing mereka untuk memanfaatkan ilmu pengetahuan moden dan teknologi yang terdapat di negara maju seperti Jepun, Eropah, dan Amerika.

Dalam hal ini, dapat difahami bahawa objektif pendidikan yang memberi penekanan terhadap aspek pertanian dan kemahiran bertani ialah untuk membina sebuah masyarakat yang berkeupayaan mengeluarkan hasil tani yang memenuhi kehendak pasaran, menjamin sekuriti makanan, dan berjaya melahirkan sebuah negara yang cemerlang dalam semua bidang industri dan komersil. Dalam erti kata lain, objektif pendidikan hari ini sepatutnya tidak hanya terhad kepada melahirkan manusia yang celik huruf, boleh membaca, menulis, dan mengira, bahkan melangkaui had keupayaan melahirkan anak-anak bangsa yang berkemahiran dalam pelbagai bidang terutamanya bidang pertanian. Membekalkan para pelajar – sama ada di peringkat rendah, peralihan, menengah, atau pun di peringkat pengajian tinggi – akan dapat mengembalikan mereka kepada suasana kehidupan kampung dengan kegiatan bertani, menimbulkan rasa cinta yang mendalam terhadap kampung halaman tempat mereka dilahirkan, membantu orang tua dan kaum kerabat mengeluarkan hasil pertanian, menjadikan kehidupan luar bandar sebahagian daripada identiti mereka, dan juga menimbulkan perasaan cinta yang tidak berbelah bahagi terhadap kehidupan luar bandar serta tidak mahu ditukar ganti (**FarrÉj, T.T**). Dengan terlahirnya sentimen dalaman ini secara tidak langsung akan dapat menangani masalah penghijrahan anak-anak kampung ke bandar mencari pekerjaan dan mengabaikan bidang pertanian dengan lebih efektif.

b) Mengadakan latihan teknologi intensif:

Ahli ekonomi menyedari dan mengakui tentang kepentingan teknologi dalam proses pembangunan dan pengeluaran. Joseph Schumpeter contohnya menegaskan: “*proses pembaharuan (inovasi) merupakan teras kemajuan ekonomi. Kemajuan teknologi adalah unsur yang paling ketara dalam proses tersebut. Dengannya dapat meningkatkan kadar pelaburan dan seterusnya meningkatkan kadar pertumbuhan pendapatan nasional*” (**MaríEn, 2001**)

Revolusi industri atau lebih dikenali sebagai kemajuan ilmu teknologi dan penggunaan alat secara besar-besaran memberi dua kesan sampingan; baik dan buruk (**Abdul Nasir, 2006**). Dalam bidang pertanian contohnya, penggunaan alat memberi kebaikan kepada para petani kerana dengan penggunaannya dapat meringankan beban mereka untuk menghasilkan produk yang lebih tinggi. Dalam masa yang sama, risiko penggunaan peralatan memberi masalah kepada para petani yang tidak dapat menyesuaikan diri dengannya. Oleh yang demikian, mereka memerlukan dos pemulihan dan latihan untuk menyesuaikan diri kerana tidak mungkin tanpa pengetahuan dan latihan mereka dapat mengurus dan mengendalikan teknologi tersebut dengan baik. Dalam memberikan pengetahuan dan latihan tersebut, para petani mesti dikawal dan dibimbing secara intensif agar mereka tahu kesalahan atau masalah yang mungkin timbul dan cara untuk mengatasinya. Dalam hal ini, pihak kerajaan perlu peka dan menggandakan usaha dengan rasa penuh tanggungjawab merawat para petani yang lemah agar terhindar daripada kesakitan dan mengurangkan kesan negatif yang mereka alami akibat daripada perubahan zaman teknologi iaitu melalui pemulihan dan ulang latih (*rehabilitation*) seperti mengadakan bengkel latihan ataupun yang lebih besar lagi mendirikan kolej latihan intensif khas untuk para petani. Mereka mesti didedahkan dengan pengalaman dan latihan baru yang melayakkan mereka untuk digunakan semula sebagai tenaga kerja pertanian yang efektif menyumbang kepada pembangunan negara.

c) Mewujudkan pasaran kongsi:

Negara-negara membangun pada hari ini terus berhadapan dengan masalah kesempitan ruang pasaran tempatan yang mengakibatkan kos pengeluaran meningkat. Keluaran hasil negara membangun juga sangat sukar untuk memasuki pasaran asing disebabkan wujudnya sekatan barangan kerana dilindungi. Tambahan pula, keluarannya menghadapi masalah kejatuhan permintaan kerana sebahagian besar barang yang dihasilkan ialah dalam bentuk bahan mentah sedangkan pada zaman ini bahan sentetik sudah banyak yang boleh menggantikannya. Oleh yang demikian, pasaran negara membangun menjadi kian sempit kerana kurang bersaing dari pelbagai keadaan (**Yusri, 1981**). Melihat kepada situasi kesempitan pasaran sama ada tempatan atau asing ini, secara tidak langsung telah menyukarkan aktiviti pelaburan nasional dan menyekat aspirasi negara untuk mencapai kemajuan ekonomi.

Dalam hal ini, sewajarnya negara membangun memikirkan jalan alternatif dengan mengambil faedah daripada pengeluaran bahan asas tani untuk dijadikan batu loncatan bagi meraih kemajuan ekonomi dan pembangunan sosial yang lebih baik. Perkara ini boleh direalisasikan dengan cara mengadakan jalinan kerjasama antara negara-negara jiran tetangga untuk mewujudkan pasaran kongsi hasil pertanian berasaskan mekanisme persaingan kerjasama Islam iaitu melalui perjanjian perdagangan dua hala dan serantau sebagai memberi ruang dan membuka jalan baru untuk pasaran hasil pertanian (**Abdul Nasir, 2008**).

d) Menyediakan peruntukan kewangan khas:

Peruntukan kewangan tidak sesekali boleh diabaikan, bahkan ia dihukumkan sebagai wajib dalam sesebuah negara Islam (**RayyEn, 1999**), kerana ia merupakan sebahagian daripada perbelanjaan kerajaan untuk meningkatkan unsur permintaan menyeluruh (*total demand*) dalam penghasilan, penggunaan, dan pelaburan bagi menjamin kemaslahatan masyarakat awam. Jika kepentingan awam hanya dapat dicapai dengan adanya perbelanjaan kerajaan, maka menyediakan peruntukan kewangan juga

dihukumkan sebagai wajib. Dengan adanya peruntukan kewangan, terserahlah kepada pihak kerajaan untuk menentukan penggunaannya mengikut peringkat keutamaan¹³.

Dalam konteks pembangunan ekonomi yang berasaskan pertanian, penyediaan peruntukan kewangan khas untuk pelaksanaannya dilihat sebagai satu keperluan yang mesti diadakan oleh pihak kerajaan. Dengan adanya bantuan yang disalurkan – menerusi peruntukan khas tersebut – para petani dapat bergerak meningkatkan prestasi dan mutu kerja mereka di tapak-tapak pertanian secara proaktif, produktif, dan berdaya saing meningkatkan hasil pengeluaran pertanian yang dapat dibanggakan.

e) Kepelbagaian insentif pertanian:

Negara membangun harus mencontohi sistem insentif pertanian yang diberikan oleh negara Kesatuan Eropah (*European United*) kepada para petani, contohnya subsidi pengeluaran ladang, subsidi eksport hasil ladang, peruntukan pengeluaran komoditi ladang, dan sebagainya. Hasil daripada pemberian insentif ini, negara *EU* dilimpahi dengan hasil pertanian yang sangat banyak hingga digambarkan sebagai “*mountains of butter and rivers of wine*” (**Pazim @ Fazim Othman, 2003**).

Berdasarkan fakta ini, ia jelas menunjukkan kerajaan berperanan sebagai tulang belakang yang dapat mengubah perilaku para petani supaya gigih bekerja mengusahakan tanah pertanian. Untuk itu, penawaran insentif pertanian mestilah kukuh dan menarik supaya dapat mengubah gaya penghasilan para petani agar menjadi lebih kompetitif dan mempunyai nilai-nilai komersil yang tinggi. Dalam erti kata lain, penawaran insentif pertanian mestilah dipelbagaikan. Kepelbagaian tersebut dapat digambarkan secara ringkas menerusi gambar rajah berikut:

Rajah 1: Contoh Insentif Pertanian Bersepadu



Sumber asal: Lihat: Durrah, ‘Abdul BÉrÊ. (1982). *Al-‘Ómil al-BasharÊ wa IntÉjyyah fÊ al-Mu’assasÊti al-‘Ómmah*, Amman: DÊr al-FurqÊn. hal. 89.

Penawaran insentif pertanian yang dipelbagaikan dari semasa ke semasa mengikut arus perkembangan zaman dan pengagihannya yang dilakukan dalam masa yang singkat memberi semangat kepada para petani untuk membangun tanah pertanian dan melipatgandakan usaha pengeluaran hasil pertanian demi mencapai kecukupan makanan dan menjana kemajuan ekonomi negara.

f) Mengadakan hubungan langsung dengan sektor swasta:


Tidak dinafikan bahawa sektor swasta memainkan peranan penting dalam proses membangun dan memajukan ekonomi negara. Kewujudan sektor ini sedikit sebanyak telah mengurangkan beban yang dipikul oleh sektor awam sebagai tunggak asas pembangunan.

Pentingnya sektor swasta membangun dan memajukan ekonomi negara ialah kerana ia mewakili sebahagian besar daripada masyarakat daripada pelbagai latar belakang dan pengalaman seperti peniaga, pelabur, pengilang, pengusaha syarikat kecil dan sederhana, dan sebagainya. Ciri keistimewaan dan kekuatan yang dimiliki oleh sektor swasta ini menjadikannya tunjang utama memacu ekonomi yang dipercayai dalam perekonomian bebas dan juga rakan kongsi yang aktif dalam melaksanakan tugas memajukan ekonomi negara.

Dalam hal ini, apakah ada kemungkinan sekiranya sektor swasta – yang dilihat mempunyai keupayaan besar dari segi kewangan dan pengalaman – dapat membantu para petani memajukan tanah pertanian? Sekiranya pandangan ini dapat diterima, maka struktur organisasi pelaksanaan membangun tanah pertanian akan menjadi lebih berwibawa.

Rajah 2: Struktur Organisasi Memajukan Tanah Pertanian

¹³ Perbelanjaan mengikut keutamaan: keperluan asas (*ËarÊriyyÊr*), kemudahan (*ËÊjiyyÊr*), dan kemewahan (*ËËsÊniyyÊr*).



Rajah 2 di atas menunjukkan wujudnya kerjasama yang seimbang dan bersepadu antara sektor awam dan sektor swasta dalam sama-sama membantu para petani membangun tanah pertanian. Selain itu, gambar rajah ini juga menjelaskan bahawa kejayaan membangun ekonomi pertanian tidak hanya bergantung kepada sokongan dan bantuan sektor awam semata, bahkan juga daripada sektor swasta. Dengan adanya usahasama kedua-dua sektor ini setentunya dapat merencanakan lagi usaha membangun dan mencapai kemajuan ekonomi dengan lebih efektif.

Untuk itu, pihak kerajaan perlu membuat hubungan langsung dengan sektor swasta yang mempunyai sumber kewangan yang kukuh di samping menyeru supaya sektor berkenaan membangun pelbagai kilang makanan dan menubuhkan syarikat kemajuan pertanian seperti syarikat pengusaha tanah, syarikat pembungkusan, syarikat penyimpanan bahan makanan, syarikat pemasaran hasil tani, syarikat pembuatan racun dan baja, syarikat penggalian kolam air, dan sebagainya. Dengan tertubuhnya banyak kilang makanan dalam negara, hasil ladang dapat disalurkan terus ke kilang berkenaan untuk pemrosesan dan pemasaran. "Sekiranya hubungan antara sektor pertanian dan sektor lain dapat direalisasikan, maka negara [Islam] akan dapat meminimumkan kebergantungannya terhadap bahan makanan impot dari Barat. Kesannya, akan berlaku lah pembaik pulih terhadap syarat perdagangan antarabangsa antara negara Islam dan bukan Islam (Al-AzharĒ, 2002)". Maka dengan itu, ruang pasaran negara Islam semakin terbuka luas.

g) Pertimbangan lain:

Terdapat beberapa pertimbangan lain yang tidak kurang pentingnya untuk difikirkan oleh pihak kerajaan bagi menjayakan rancangan membangun ekonomi pertanian, antaranya:

- i) Tanah pertanian yang diusahakan mestilah dilakukan dalam saiz yang ekonomikal tetapi bersesuaian dengan bilangan tenaga kerja yang mengusahakannya. Merujuk kepada aktiviti pertanian di Jepun, sungguhpun ianya dilakukan dalam kawasan yang kecil, namun ia tetap mampu mengeluarkan hasil pertanian yang sangat besar (Zainalabidin Mohamed, 2005). Bentuk pengusahaan ini seharusnya diteladani oleh negara membangun dalam memajukan tanah pertanian;
- ii) Menyalurkan infrastruktur asas tani seperti jalanraya, jambatan, kolam air, elektrik, dan keperluan lain. Kemudahan tersebut mestilah tidak tertumpu di kawasan bandar sahaja tetapi juga disalurkan dengan seimbang di kawasan luar bandar. Ia bertujuan supaya manfaat ekonomi diagih secara menyeluruh agar taburan penduduk menjadi seimbang dalam usaha memakmurkan bumi (Oaqar et.al, 1986);
- iii) Pihak kerajaan perlu memberi sokongan padu kepada peladang kecil yang tidak mampu bersaing dengan peladang besar, seperti memberikan pinjaman kewangan, sumbangan biji benih, baja, racun, dan sebagainya sesuai dengan keperluan mereka, khasnya daripada kalangan peladang miskin;
- iv) Membuat pemantauan di tapak pertanian sekerap mungkin dan memberi khidmat rawatan untuk tanaman. Pemantauan ini penting untuk mengetahui masalah yang dihadapi oleh para petani, mengetahui masalah tanaman seperti serangan serangga, binatang, dan penyakit tanaman;
- v) Membekalkan para petani dengan peralatan moden dan mesin yang bersesuaian untuk memastikan tapak pertanian dapat dimajukan dengan teknik penanaman dan penuaian terkini; dan
- vi) Menghebahkan usaha kerjasama penghasilan dan pemrosesan bahan makanan bagi tujuan memberi semangat yang kuat kepada para petani untuk meningkatkan pengeluaran hasil pertanian mereka dalam rangka mencapai pembangunan yang positif dalam sektor pertanian.

Kesimpulan

Kertas ini memfokuskan kajiannya mengenai kegagalan para petani tempatan membangun ladang pertanian LTS di Negara Brunei Darussalam yang menyebabkan sumber asli tersebut terabai di samping mencari beberapa solusi terbaik untuk menangani permasalahan yang telah dikenal pasti. Penemuan kajian dapat disimpulkan sebagaimana berikut:

1. Pengabaian ladang pertanian LTS di Negara Brunei Darussalam boleh dikategorikan kepada lima faktor utama, iaitu:
 - a) Faktor demografi merangkumi tiga aspek iaitu:
 - i) Para petani yang sudah mencapai usia senja. Dalam hal ini, penetapan had umur adalah perlu untuk memastikan ladang dapat diusahakan dengan sebaiknya;

- ii) Para petani terlalu sibuk dengan tugas-tugas harian kerana bekerja sepenuh masa sama ada di sektor awam atau di sektor swasta. Kerja bertani hanya dilakukan secara sampingan yang menyebabkan banyak kawasan yang terbiar. Penguatkuasaan peraturan yang menetapkan supaya aktiviti bertani di ladang pertanian LTS agar dilakukan sepenuh masa adalah perlu bagi memastikannya dapat diusahakan dengan maksima; dan
 - iii) Bilangan petani yang mengerjakan ladang tidak serasi dengan keluasan tapak pertanian. Kawasan yang luas dan hanya dikerjakan oleh beberapa kerat tubuh manusia tidak berupaya untuk melakukannya dengan efisien. Kesesuaian bilangan dan keluasan tapak hendaklah dikaji dengan lebih komprehensif supaya dapat meningkatkan produktiviti hasil tani.
- b) Faktor jenis tanaman kekal juga menjadi faktor pengabaian tanah. Tanaman tidak perlu dijaga rapi setiap hari; memadai dengan menanam dan menunggu hasilnya. Hal ini telah mencetuskan respon komposisi pengeluaran hasil tani yang tidak konsisten kerana pengeluaran hasil adalah mengikut musim. Oleh itu, penanaman sayur-sayuran bersifat sementara juga perlu diberi perhatian dan tidak sewajarnya diabaikan. Hasil yang sedikit setentunya memberi kesan negatif terhadap pendapatan. Rentetan itu, kesesuaian tempat memasarkan hasil tani juga patut diambil kira;
 - c) Faktor peribadi juga menjadi kekangan membangun ladang pertanian. Faktor ini meliputi dua perkara iaitu:
 - i) Aktiviti pertanian hanya dilakukan untuk mengisi masa lapang dan menganggapnya sebagai kerja sampingan atau riadah. Para petani perlu diberi kesedaran tentang peri pentingnya membangun tanah melalui sesi taklimat atau sesi kaunseling; dan
 - ii) Para petani tidak mempunyai pengetahuan praktikal menggunakan alat-alat moden. Oleh yang demikian, mereka perlu menjalani latihan intensif menggunakan peralatan moden supaya dapat memajukan ladang dan mampu berdaya saing.
 - d) Para petani juga berhadapan dengan pelbagai masalah yang sukar dibendung seperti kemasaman tanah, banjir, tanah susur, dan binatang perosak yang akhirnya menyebabkan sumber asli tanah menjadi tidak terurus dan terbiar; dan
 - e) Faktor kejauhan jarak kawasan ladang pertanian dengan kawasan tempat tinggal, penyalahgunaan sumber tanah, dan agihan infrastruktur yang lemah di ladang pertanian LTS juga menjadi salah satu faktor utama ladang tersebut tidak dapat dibangunkan untuk pertanian.
2. Kajian ini telah mendapati beberapa solusi terbaik untuk membangun dan menghasil di ladang pertanian LTS di Negara Brunei Darussalam, iaitu:
- a) Para petani perlu mengamalkan beberapa prinsip dasar yang dapat membantu meningkatkan keupayaan membangun dan menghasil di ladang pertanian iaitu:
 - i) Amalan berkongsi dana;
 - ii) Berkerjasama dalam menghidupkan tanah dan menghasilkan produk; dan
 - iii) Mempraktikkan amalan berbagai tugas hingga dapat membuah hasil yang lebih lumayan.
 - b) Pihak kerajaan juga perlu memainkan peranannya dengan lebih berwibawa dengan membekalkan ilmu pengetahuan asas kepada penduduk sejak bangku sekolah lagi, mendirikan kolej latihan intensif khas untuk para petani, mewujudkan pasaran kongsi perdagangan dua hala dengan negara serantau bagi membuka ruang baru memasarkan hasil tani ke luar negara, menyediakan peruntukan kewangan khas untuk kegunaan pertanian, menawarkan insentif yang lebih menarik, mewujudkan kerjasama langsung dengan sektor swasta untuk sama-sama membangun ladang pertanian, dan sebagainya.

Kajian lanjut mengenai pengusahaan tanah pertanian ini masih dapat diperluaskan perbincangannya. Dicadangkan supaya kajian seterusnya akan dilakukan oleh para pengkaji yang menjurus kepada aspek pandangan Islam terhadap aktiviti bertani, jenis pertanian, kaedah pertanian, kesan pertanian terhadap peningkatan kondisi perekonomian negara, dan sebagainya.

Rujukan

- AbÉDah, IbrÉhÉm DasÉqÉ. (T.T). *Al-IqtîÉd al-IslÉmÉ: MuqawwamÉtuhu wa MinhÉjuhu*, Lubnan: DÉR LisÉN al-‘Arab.
- ‘Abduh, MĒfiq MuĒammad. (2002). *×imÉyah al-Mustahlik fĒ al-Fiqh al-IqtîÉdÉ al-IslÉmÉ: DirÉsah MuqÉranah*, Amman: DÉR MajdalÉwÉ.
- Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani. (2006). *Al-BaĒÉlah wa KafÉ‘ah al-NiDÉm al-IqtîÉdÉ al-IslÉmÉ: DirÉsah ×Élah SalĒanah Brunei Darussalam*, Brunei Darussalam: Universiti Brunei Darussalam.
- _____. (2008). *Isu-Isu Ekonomi: Teori Analisis dari Perspektif Ekonomi Islam*, Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka
- ‘Abdul QÉdir, MuĒammad ØÉlÉh. (1997). *NaDariyyÉt al-TamwÉl*, Amman DÉR al-FurqÉN.
- ‘Afar, MuĒammad ‘Abdul Mun‘im. (1985). *Al-IqtîÉd al-IslÉmÉ: Al-IqtîÉd al-Juz ‘É*, Jeddah: DÉR al-BayÉN al-‘ArabÉ.
- ‘ArÉqÉt, ×arbÉ MĒsÉ. (1997). *MabÉdi‘ al-IqtîÉd: Al-IqtîÉd al-Juz ‘É wa al-IqtîÉd al-KullÉ*, Amman: DÉR ZahrÉN.

- Al-AzharĒ, ManĒĒr AĒmad. (2002). *TarshĒd al-IstihĒk al-FardĒ fĒ Ōaw'i al-IqtĒĒd al-IslĒmĒ*, Kaherah: DĒr al-SalĒm.
- Basza Suriyawati binti Haji Basri. *Temubual*. 4 April 2007.
- Brunei Darussalam. (1984). Laws of Brunei. *Government Gazette*.
- Al-DamĒhĒ, ×amzah al-JamĒĒ. (1985). *'AwĒmil al-IntĒj fĒ al-IqtĒĒd al-IslĒmĒ*, T.T.P: DĒr al-Tawzi' wa al-Nashr al-IslĒmiyyah.
- Durrah, 'Abdul BĒrĒ. (1982). *Al-'Ōmil al-BasharĒ wa IntĒjĒyyah fĒ al-Mu'assasĒti al-'Ōmmah*, Amman: DĒr al-FurqĒn.
- FarrĒj, 'IzzuddĒn. (T.T). *Al-Tanmiyyah al-IqtĒĒdiyyah wa al-IjtimĒ'iyah fĒ al-WalĒn al-'ArabĒ*, Kaherah: DĒr al-Fikr al-'ArabĒ.
- Al-GhazĒĒ, 'Abdul ×amĒd. (1989). *×awla al-Manhaj al-IslĒmĒ fĒ al-Tanmiyyah al-IqtĒĒdiyyah*, Al-Mansurah: DĒr al-WifĒ'.
- Al-HĒj, ŪĒriq. (1997). *TalĒĒl al-IqtĒĒd al-Juz'Ē*. Amman: DĒr al-MasĒrah.
- Haji Abdul Wahab bin Haji Nayan. *Temubual*. 11 April 2007.
- ×ammĒd, NazĒh. (2001). *QalĒyĒ Fiqhiyyah Mu'ĒĒrah fĒ al-MĒl wa al-IqtĒĒd*, Damsyek: DĒr al-Qalam.
- ×alĒĒb, KamĒl. "Al-IstikhĒm al-Amthal li al-MawĒrid al-IqtĒĒdiyyah min ManĒĒr IslĒmĒ". *Majallah AbĒĒth al-Yarmouk: Salsilah al-'UlĒm al-InsĒniyyah wa al-IjtimĒ'iyah*, Jordan: Yarmouk. Vol. 13. Januari 1997.
- KarĒjah, 'Abdul ×alĒm, 'Abdul NĒĒir al-'AbbĒdĒ, MuĒammad al-BĒshĒ, ×annĒn al-QuĒĒh. (2001). *MabĒdi' al-IqtĒĒd al-Juz'Ē*, Amman: DĒr ŌafĒ'.
- MarĒĒn, Sa'Ēd Sa'd. (2001). *Madkhal li al-Fikr al-IqtĒĒdĒ fĒ al-IslĒm*. Beirut: Maktabah al-RisĒlah.
- MuĒĒm, AĒmad SĒlim. (2002). *Al-Mu'ĒmalĒt al-Rubawiyyah fĒ Ōaw'i al-Qur'Ēn wa al-Sunnah*, Amman: Jam'iyyah 'UmmĒl al-MalĒĒbi' al-Ta'Ēwuniyyah.
- Pazim@Fazim Othman. (2003). Mohd. Rosli Mohammad & Mohamed Aslam Gulam Hassan (Pyt). *Pembangunan Ekonomi Malaysia Era Globalisasi*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Pengiran Haji Murni bin Pengiran Muhamad Daud. *Temubual*. 3 April 2007.
- Al-RĒwĒ, KhĒlid WahĒb. (1999). *Al-IstithĒr: MafĒhĒm wa TalĒĒl wa IstratĒjĒyyah*, Jordan: DĒr al-MasĒrah.
- Al-RayyĒn, ×usayn RĒtib YĒsuf. (1999). *'Ajzu al-MuwĒzanah wa 'IlĒjuhu fĒ al-Fiqh al-IslĒmĒ*, Amman: DĒr al-NafĒ'is.
- Al-SabhĒĒ, 'Abdul JabbĒr ×amd 'Ubayd. (2000). *Al-WajĒz fĒ al-Fikr al-IqtĒĒdĒ al-Wal'Ē wa al-IslĒmĒ*, Amman: DĒr WĒ'il li al-Nashr.
- Sa'Ēd, 'AffĒf 'Abdul JabbĒr, MajĒd 'AlĒ ×usayn. (2001). *Muqaddimah fĒ TalĒĒl al-IqtĒĒd al-Juz'Ē*, Amman: DĒr WĒ'il.
- ŌĒlĒl, ŌĒlĒĒ. (2001). *Al-SiyĒsah al-Naqdiyyah wa al-MĒliyyah fĒ IĒĒr NiĒĒm al-MushĒrakah fĒ al-IqtĒĒd al-IslĒmĒ*, Al-Mansurah: DĒr al-WifĒ'.
- Al-SanĒdĒ, 'AbdullĒh bin RĒshid. "Ahammiyyah al-'Amal li al-InsĒn". *Al-Mawqi' al-IkhhĒĒ al-YawmĒ*. <http://www/29sep.net/newsweek/article.php?Ing=arabic&sid=2438>. Jun 2009.
- Ōaqar, 'Abdul SalĒm al-'AbbĒdĒ, NĒr al-DĒn TaqiyyuddĒn. (1986). *Dawr al-IqtĒĒd al-IslĒmĒ fĒ IĒĒth NahĒh Mu'ĒĒrah*, Amman: Jam'iyyah al-DirĒsĒt wa al-BuĒĒth al-IslĒmiyyah.
- Al-SarĒĒnah, JamĒl ×asan AĒmad 'ŌsĒ. (2000). *Mushkilah al-BalĒĒh wa 'IlĒjuĒ: DirĒsah MuqĒranah Bayna al-Fiqh wa al-QĒnĒn*, Damsyek: Al-YamĒmah li al-ŪibĒ'ah wa al-Nashr wa al-TawzĒ'.
- YusrĒ, 'Abdul RaĒmĒn. (1981). *Al-Tanmiyyah al-IqtĒĒdiyyah wa al-IjtimĒ'iyah fĒ al-IslĒm*, Alexander: Mu'assasah ShabĒb al-JĒmi'ah.
- Zainalabidin Mohamed. (2005). Mohd. Shahriza bin Sulaiman (Pyt). *Model Sebuah Ekonomi Maju Dari Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: IKIM.